

THE TITAN

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

10 JUN 2023 | BIL: 49
www.richworks.com

richworks.com/thetitan

Industry View

8 KELEBIHAN AI
CHATBOTS DALAM
KONTEKSPERNIAGAAN

JUNAIDAH MOHAMED YUSOF

TANPA BIMBINGAN,
BISNES TIDAK AKAN BERTAHAN



LEBIH 20 TAHUN DALAM BIDANG PERBANKAN

"Saya suka buat keputusan sendiri, 'bebas' membuat keputusan yang tidak dapat diperolehi bila bekerja dengan orang lain.

"Saya tak nak hanya mendengar arahan sebaliknya nak buat keputusan, lebih kreatif untuk memberikan yang terbaik kepada pasukan sendiri," kata Junaidah Mohamed Yusof bila ditanya apa membuatkan beliau mula berbisnes.

Minat dalam bisnes ini memang ada yang mana ketika kecil selalu tolong ibu untuk berniaga kecil-kecilan.

Menceritakan pengalaman kerja Junaidah, beliau berjaya membawa cawangan bank yang diuruskan mencapai sasaran ketika beliau sebagai pengurus bank di sana dengan memimpin lebih 50 orang.

"Saya buat macam 'bisnes sendiri', alhamdulillah kami berjaya capai petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan.

"Kita membina kepercayaan pelanggan-pelanggan yang daripada tahap tetamu kehormat utama (VVIP) hinggalah mereka yang berpendapatan rendah," kongsiinya.

Menurut Pengarah Urusan Andalusia Tijarah Sdn. Bhd. itu, titik tolak perjalanan bisnesnya bermula pada 2016 apabila beliau berhenti kerja dan menjalankan bisnes ini.

Jelasnya, bagaimanapun cabaran dan dugaan dalam bisnes ini juga besar.

"Saya menjadi partner kepada Andalusia Travel & Tours dengan menubuhkan anak syarikat yang bermula hanya dari sebuah bilik kecil dengan papan tanda bisnes pun tidak ada lagi.

"Saya rasalah kalau tak ada ilmu takkan bertahan bisnes ini terutama ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020," katanya.

Terdahulu, beliau telah dapatkan lesen bagi insurans am bagi menyasarkan jemaah haji ataupun umrah di Andalusia Travel & Tours.

Junaidah turut mahu menyediakan suatu platform yang dapat membantu orang lain berjaya melalui bisnes yang diusahakannya.

BISNES PERLUKAN ILMU

Jika anda nak hanya lakukan 'bisnes' semata-mata tanpa ilmu, boleh saja namun untuk berkembang bahkan bertahan mungkin sukar.

Sebab itu, mungkin antara kita ada melihat ada orang yang bertukar-tukar bisnes.

Jelas Junaidah, baginya ilmu sangat penting dan sebab itu usahawan kena belajar dengan dapatkan mentor yang *proven* dengan mempunyai rekod dalam melahirkan usahawan berjaya.



“Sebelum ini, saya ingat boleh menguruskan bisnes sendiri, sedangkan ilmu bisnes ini tak akan habis dan sentiasa perlu dicari agar tidak ketinggalan dengan perubahan dan keadaan semasa,” ujarnya.

Beliau mengenali RichWorks dan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman bila mengikuti kelas-kelas percuma ditawarkan.

“Tapi bila kelas berbayar, saya tak teruskan. Namun bagusnye RichWorks, mereka akan kerap hantar emel bagi memaklumkan mengenai program-program yang akan dijalankan.

“Tapi pada awal 2021, saya sertai Bina Bisnes Berjaya (BBB) sebelum menyertai pementoran SPIRE. Meskipun tidak dapat keluar, saya dapat fokus dan belajar betul-betul dengan ilmu bisnes dalam RichWorks,” kongsi Junaidah.

Bila dalam bimbingan RichWorks, bangsa usahawan akan dipersiapkan untuk lebih bersedia dengan cabaran-cabaran yang ada di samping persediaan bagi mengembangkan lagi bisnes mereka.

PEMENTORAN SPIRE

Junaidah melihat di SPIRE, membantu menguatkan lagi kefahaman seseorang tentang bisnes itu sendiri.

“Apa yang saya suka selain Weekly Focus bersama Dr. Azizan adalah ‘weekly report’ yang

perlu dihantar setiap minggu.

“Kami perlu meletakkan apa ‘roadblock’ yang jadi penghalang apa saja dibuat. Maka sebagai pemilik, tanggungjawab kita untuk memikirkan solusinya,” jelas Junaidah.

Junaidah juga belajar bagaimana untuk memilih calon atau orang betul untuk berada dalam syarikatnya.

“Ketika itu carta organisasi saya tidak lengkap dengan memerlukan pengurus yang dapat membantu perkembangan bisnes.

“Pada awalnya, kita menjalankan *bisnes money changer* sebelum memperkenalkan insurans perjalanan pada 2019. Berikutan penutupan sempadan pada 2020 ekoran wabak Covid-19, saya tukar segera fokus produk kepada insurans kenderaan,” jelas beliau.

Menurut Junaidah, beliau melihat usahawan perlu mempunyai disiplin yang kuat ketika ikuti pementoran SPIRE.

“Setiap minggu akan ada kelas dan learning point pula satu hal. Bagi saya, sentiasa tulis dalam buku sendiri agar memudahkan untuk lihat semula bila diperlukan,” ujarnya.

RM1 JUTA PERTAMA

Sebelum dalam pementoran SPIRE, beliau sudah pun mencapai jualan syarikat jutaan ringgit.

Bagaimanapun, ketika PKP pada 2020 itu, jualan terus jatuh dengan hanya sekitar RM186,000 saja namun bila sekatan perjalanan dibuka bermula November dan Disember, dalam masa dua bulan capai jualan RM1.6 juta.

"Ini semua bila saya belajar dan dapatkan bimbingan. Antaranya saya belajar bagaimana urus data dan aspek digitalisasi.

"Ketika itu saya juga fokus kepada sistem affiliate yang membantu orang di luar sana juga untuk mendapatkan sikit sebanyak pendapatan," ujarnya.


Junaidah juga memberitahu, nilai yang dibawa RichWorks juga telah mengubah dirinya.

"Saya dulunya seorang perfectionist namun bila dibimbing membuatkan sudah mula berubah dengan lebih mendengar. Anak saya merupakan seorang peguam menyaksikan perubahan itu sehingga berhenti bekerja untuk sertai bisnes dijalankan ini.

"Bagi saya, jangan fikirkan dalam jangka pendek tetapi bagi masa seperti 12 bulan untuk fokus bawa bisnes ke tahap lebih tinggi," jelasnya.

Junaidah memberitahu, sokongan daripada team RichWorks, *Client Account Executive* (CAE) ketika SPIRE dan *Client Account Manager* (CAM) dalam Titanium masa ini begitu membantu usahawan seperti beliau.





3 NASIHAT

PERTAMA, NIAT KENA BETUL UNTUK BELAJAR.

Sebagai pelajar kita perlu jadi pelajar yang baik untuk dapat keputusan yang terbaik.

"Bagi saya kita sebagai pelajar kena ikut apa yang disuruh oleh mentor yang berpengalaman untuk mengembangkan bisnes. Kalau tinggal tak berkat bagi saya.

KEDUA, DISIPLIN TINGGI.

Disiplinkan diri ini, bila ada tugas diberikan buat dan jangan ambil sambil lewa kerana mentor tahu kepentingannya.

Untuk berdisiplin menurut Junaidah, anda perlu membuat jadual.

"Tugas kita sebagai usahawan perlulah berterusan melakukan tindakan yang diperlukan untuk berjaya.

"Jangan terlalu fikir 'shortcut', setiap orang mempunyai perjalanan berbeza. Kejayaan yang dikecapi orang lain dijadikan semangat dan pengajaran untuk diguna pakai jika sesuai dalam bisnes sendiri," jelasnya.

KETIGA, JAGA PERHUBUNGAN SESAMA MANUSIA.

Pastikan jaga hubungan antara keluarga anda kerana pasti ada keberkatan dan rahmat di situ.

"Contohnya, saya kena faham tanggungjawab diri ini sebagai isteri, ibu dan majkan.

"Kita tak boleh buat orang berubah dulu, diri sendiri kena berubah. InsyaAllah nanti kita yang akan gembira bila dapat manfaat daripada perubahan itu," jelasnya.

Junaidah berkata, melalui bimbingan yang diperolehi daripada Dr. Azizan dan RichWorks, perubahan lebih baik mula kelihatan dalam diri ini.



8 KELEBIHAN AI CHATBOTS DALAM KONTEKS PERNIAGAAN

Chatbot merupakan program komputer yang dapat memenuhi sesuatu fungsi atau memberikan informasi melalui perbualan atau pesanan teks.

Chatbot umpama 'robot' yang dapat menjawab perbualan dan memahami pertanyaan mahupun permintaan anda melalui *chatting*.

Terdapat beberapa kelebihan untuk menggunakan AI Chatbots seperti ChatGPT dalam konteks perniagaan.

1 PERKHIDMATAN 24/7:

ChatGPT boleh menyediakan perkhidmatan pelanggan atau sokongan teknikal 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Ini membolehkan perniagaan anda kekal responsif kepada keperluan pelanggan pada bila-bila masa, tanpa memerlukan kehadiran manusia secara fizikal.

2 KEBOLEHSKALAAN:

ChatGPT boleh mengendalikan berbilang perbualan serentak, memberikan kebolehskalaan yang lebih besar. Ini membantu perniagaan menangani lonjakan trafik atau jumlah permintaan tanpa memerlukan banyak sumber manusia tambahan.

3 KECEKAPAN OPERASI:

Menggunakan ChatGPT, perniagaan boleh mengautomatiskan kebanyakan soalan biasa dan rutin yang sering ditanya oleh pelanggan. Ini membebaskan kakitangan manusia untuk memberi tumpuan kepada tugas yang memerlukan pemikiran kritis atau kompleks.

4 RESPONSIF DAN PANTAS:

ChatGPT boleh memberikan respons segera dan pantas kepada permintaan pelanggan. Ia membantu meningkatkan kepuasan pelanggan dengan menyediakan penyelesaian atau maklumat yang mereka perlukan dengan cepat dan berkesan.

5 PENGUMPULAN DATA DAN CERAPAN:

Dalam interaksi dengan pelanggan, ChatGPT boleh mengumpulkan data berharga tentang pilihan, keperluan atau isu pelanggan yang sering dihadapi. Data ini boleh digunakan untuk menganalisis arah aliran, memahami tingkah laku pelanggan dan membuat keputusan perniagaan yang lebih baik.

6 SKRIP DAN KAWALAN MESEJ:

Dalam ChatGPT, anda mempunyai kawalan penuh ke atas skrip dan mesej yang disampaikan kepada pelanggan anda. Anda boleh mereka bentuk aliran perbualan

yang konsisten dengan jenama anda dan memastikan mesej yang betul disampaikan kepada pelanggan.

7 PENGALAMAN PENGGUNA DIPERTINGKAT

Dengan menggunakan ChatGPT, perniagaan boleh memberikan pengalaman pengguna yang lebih baik dan diperibadikan. Chatbots boleh memberikan cadangan produk, nasihat berkaitan atau panduan langkah demi langkah mengikut keperluan dan pilihan pelanggan.


8 KOS OPERASI LEBIH RENDAH

Menggunakan ChatGPT boleh

mengurangkan kos operasi perniagaan dalam jangka panjang. Berbanding dengan mengupah ramai kakitangan untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan atau memberikan sokongan.

Walaupun ChatGPT mempunyai kelebihan ini, ia masih memerlukan pemantauan dan perhatian manusia untuk memastikan pengalaman pengguna yang baik.

Interaksi manusia dan penyeliaan Chatbot adalah perlu untuk menangani situasi yang kompleks atau melibatkan emosi dan memastikan kepuasan pelanggan yang optimum.



Claim
hadiah
eBook



RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

SEMBANG BISNES

bersama
Radz Mohd

Chief Business Officer (CBO)
RichWorks International Sdn Bhd

RABU, 9 MALAM
PLATFORM **zoom**

www.binabisnesberjaya.com



**MONTHLY
GROUP
COACHING**

**DATUK WIRA DR AZIZAN OSMAN D.C.S.M
C.A(M), FCMA, CGMA (UK)
FOUNDER & NON EXECUTIVE CHAIRMAN
RICHWORKS INTERNATIONAL**

**SELASA, 13 JUN 2023 | 9:00 PM
PLATFORM ZOOM**

www.theforumcircle.com

TM

NAK GROW BISNES?

binabisnesberjaya.com



E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.